



**ENAKMEN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU  
1993**



## ENAKMEN N°. 9 TAHUN 1993

SAYA BERSETUJU,

SULTAN ISKANDAR

*Tandatangan Raja*



27hb Disember 1993

Suatu Enakmen untuk membuat perurutan-perurutan berbangkit untuk ubahsuaian-ubahsuaian gelaran apabila taraf Majlis Perbandaran Johor Bahru ditukar dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]  
DENGAN INI ADALAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut;

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Bandaraya Johor Bahru 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1994.  
Tujuh ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Apabila taraf Majlis Perbandaran Johor Bahru ditukar kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru, apa-apa sebutan yang dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya kepada—
  - (a) "Majlis Perbandaran Johor Bahru" atau "Perbandaran Johor Bahru", sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan "Majlis Bandaraya Johor Bahru";  
Ubah-suaian gelaran.
  - (b) "Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Johor Bahru" atau "Ahli-Ahli Perbandaran Johor Bahru", sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan "Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru";

- (c) "Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Bahru atau "Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Bahru" sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan "Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru"; atau "Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru"; dan
- (d) "Majlis Perbandaran" atau "Perbandaran", sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan "Majlis Bandaraya Johor Bahru".

Kecualian.

3. Tiada apa-apa juga boleh menyentuh kuatkuasa sebelum ini, atau apa-apa juga tindakan yang dilakukan di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pihak berkuasa tempatan berkenaan dengan apa-apa hak atau obligasi Majlis Perbandaran Johor Bahru, atau mana-mana pihak berkuasa atau orang sebelum tarikh mula berkuatkuasa Enakmen ini, dan penukaran taraf hendaklah tidak mencacatkan apa-apa prosiding undang-undang, dan apa-apa prosiding perundangan boleh dimulakan seolah-olah tiada apa-apa penukaran taraf.

Diluluskan dalam Dewan Negeri Johor pada 22hb Disember 1993.

ABDUL MALICK BIN AWANG,  
*Jurutulis Dewan Negeri,*  
*Johor*